



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

ID DIGITAL NASIONAL MEMPERKUKUH KEPERCAYAAN TERHADAP APLIKASI DALAM TALIAN DAN IDENTITI DIGITAL

- **Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan ID Digital Nasional**
- **Kajian mengenai ID Digital Nasional akan bermula pada suku keempat tahun ini**
- **Fokus kajian yang melibatkan pihak kerajaan dan swasta adalah mengenai cara-cara untuk memanfaatkan infrastruktur dan kekuatan sedia ada serta mekanisme holistik untuk pelaksanaannya**

PUTRAJAYA, 26 Ogos 2019 --- Kerajaan hari ini mengumumkan bahawa inisiatif ID Digital Nasional telah menerima persetujuan Jemaah Menteri. ID Digital Nasional adalah satu usaha Kerajaan untuk membolehkan rakyat Malaysia yakin berhadapan dengan aktiviti ekonomi digital. Inisiatif ini akan diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia manakala kajian terperinci mengenai model pelaksanaan dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Sebagai langkah pertama inisiatif ini, satu kajian komprehensif akan dijalankan mulai September 2019 untuk tempoh sembilan bulan. Kajian ini akan mengenal pasti rangka kerja ID Digital Nasional yang holistik dan akan mencadangkan saranan-saranan kepada Kerajaan mengenai model pelaksanaan yang sesuai yang memenuhi keperluan rakyat, perniagaan dan negara. Ia akan mengambil kira konteks unik Malaysia termasuk infrastruktur MyKad dan swasta yang sedia ada, faktor-faktor semasa sambil mengenal pasti polisi-polisi baru yang diperlukan.

Kajian ini akan melibatkan pihak kerajaan, swasta dan akademik. Adalah diharapkan kajian dan usaha yang diselaraskan antara pihak berkepentingan utama daripada semua sektor, industri dan orang awam akan melahirkan mekanisme yang lebih baik untuk pelaksanaan ID Digital Nasional di Malaysia.

Kemajuan teknologi-teknologi Revolusi Industri 4.0 menyebabkan masyarakat semakin beralih ke arah digital. Malaysia turut serta dengan negara-negara lain di rantau ini dengan menerajui pembangunan platform pengenalan digital, yang mampu membantu pengguna mengurus niaga secara selamat dan lancar.

ID Digital Nasional ini bukan pengganti kepada *MyKad* atau Kad Pengenalan sedia ada dan ia juga tidak diwajibkan untuk semua. Sebaliknya, ID Digital Nasional ini adalah satu teknologi pengesahihan dinamik yang direka untuk perniagaan ataupun urusan yang dikendalikan secara dalam talian. Sama ada seseorang pengguna membuka akaun buat kali pertama, log masuk untuk urusan perniagaan ataupun membuat pembayaran secara digital, ID Digital Nasional ini membantu sesuatu perniagaan itu membuat keputusan yang tepat dan boleh dipercayai dalam masa yang nyata.

Infrastruktur yang sedia ada di Malaysia telah membina asas kepada pembangunan ID Digital Nasional. Ini adalah satu kelebihan kerana ia membolehkan pelaksanaan yang lancar apabila siapnya kajian berkenaan pada pertengahan tahun 2020.

Pelaksanaan ID Digital Nasional dijangka memberi manfaat kepada individu dan juga perniagaan. Ia akan menjadi mudah untuk Rakyat di mana mereka tidak perlu lagi mengingat nama pengguna dan kata laluan yang berlainan untuk pelbagai perkhidmatan atau bahkan membawa beberapa token untuk beralih secara digital. Urus niaga boleh dibuat secara selamat dengan akses saluran omni pada mana-mana peranti, bila-bila masa, di mana sahaja, malah dari luar negara.

Di samping itu, ID Digital Nasional juga akan membolehkan Kerajaan dan perniagaan ruang untuk memupuk inovatif dan menawarkan perkhidmatan digital yang mampu memudahkan proses perniagaan menggunakan penandatanganan digital. Ini akan memupuk penambahbaikan proses dan mewujudkan kecekapan kerana platform digital ini dijangka mengguna pakai standard *interoperability*, aspek keselamatan yang kukuh dan kepercayaan untuk mengurus niaga melalui jaminan identiti yang memanfaatkan teknologi yang mantap.

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

***Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat***

Kementerian Komunikasi dan Multimedia
26 Ogos 2019

No. Ruj. : KKMM/UKK/100-2/1/2 (55)

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Karen Kesawathany Arukesamy di talian 017-6962693 /
012-7526676**